

21 APR 1998

MTEN KAJI LANGKAH-LANGKAH KURANGKAN KADAR FAEDAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kerajaan serta Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sedang mengkaji langkah-langkah untuk mengurangkan kadar faedah bagi membantu syarikat-syarikat berdepan dengan kegetiran ekonomi pada ketika ini.

Sebagai menjawab soalan sama ada kadar faedah yang menekan kegiatan perniagaan boleh dikurangkan, beliau berkata "Saya rasa mungkin, tetapi terdapat masalah, sudah pastinya dalam merendahkan kadar faedah."

"Kerajaan dan MTEN sedang mengkaji bagaimana untuk mengurangkan kadar faedah," katanya kepada para pemberita selepas melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-British di sini hari ini.

Kadar faedah di Malaysia telah meningkat dengan ketara dengan kadar antara bank terapung pada paras 11.05 peratus daripada hanya 7.5 peratus sebelum krisis mata wang tercetus pada Julai tahun lalu.

Akibatnya, kadar berian pinjaman terutamanya untuk pinjaman perniagaan meningkat sehingga 20-21 peratus pada akhir 1997, tetapi pihak berkuasa berjaya melaksanakan beberapa disiplin dalam pasaran menyebabkan kadar terapung pada purata kira-kira 16-17 peratus ketika ini.

Apabila ditanya sama ada kelembapan ekonomi ketika ini adalah kitaran semulajadi, beliau menyatakan tidak merasakan begitu, sambil menambah apabila "dibandingkan dengan kemelesetan ekonomi pada 1985, terdapat masalah ekonomi tetapi bukan berpunca daripada penyusutan nilai ringgit."

"...tetapi ketika ini, penyusutan nilai ringgit menjadikannya sukar untuk membantu ekonomi pulih semula," katanya.

"Kita tidak ada kuasa terhadap mata wang kita. Bila anda tidak mempunyai kuasa ke atas elemen penting seperti itu dalam ekonomi, langkah untuk memulihkannya menjadi begitu sukar," katanya.

Bagaimanapun, dengan ringgit yang kini stabil pada jajaran 3.5 hingga 3.8 berbanding dolar Amerika, beliau berkata mudah sedikit untuk membuat rancangan dan perniagaan.

"Jajaran sekarang tidak begitu teruk seperti sebelum ini, saya rasa ia sesuatu yang kita alu-alukan," kata Dr Mahathir.

Menyentuh mengenai harga saham yang menurun, beliau berkata: "Saya rasa kekurangan keyakinan telah menolak turun harga pasaran saham."

Apabila ditanya sama ada Malaysia perlu untuk bersetuju terhadap permintaan oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk terus meliberalakan sektor kewangan bagi mengekalkan keyakinan pelabur, beliau berkata "di negara yang bersetuju dengan perkara itu, keadaan tidak berjalan dengan lancar seperti yang dirancang."

"Ia juga kelihatan tidak mampu untuk membawa semula keyakinan."

"Jawapannya adalah untuk menguruskan ekonomi dengan baik," katanya.

Mengenai perkembangan yang dibuat oleh MTEN, beliau berkata majlis itu berjalan lancar apabila ia telah bertemu buat kali kedua.

Perdana Menteri berkata: "Jawatankuasa eksekutif bertemu hari ini dan akan bertemu sekali lagi esok...kami merancang untuk mengadakan mesyuarat bagi jawatankuasa eksekutif."

Jawatankuasa eksekutif itu dibentuk dalam majlis untuk merumuskan rancangan dan strategi bagi membantu negara pulih daripada kegawatan ekonomi.

Mengenai unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar yang rendah pada 0.9 peratus bagi 1998 yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Ekonomi

Malaysia (MIER) hari ini daripada 7.7 peratus pada 1997, beliau berkata "Saya rasa kita mempunyai peluang untuk mengekalkannya pada dua hingga empat peratus pada tahun ini." -- BERNAMA

AD ZK OS